



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 17 MEI 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	RM1 BILION UNTUK PROGRAM HASIL BAHARU, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -3	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2.	KRI KAJI CABARAN INDUSTRI PADI TEMPATAN, ISU, BH -60	BAHAGIAN INDUSTRI PADI DAN BERAS (IPB) / BERNAS
3.	IN TWO SHADES OF GREEN, NATION, THE STAR -4	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4.	HUSAM YAKIN PROJEK BERAS WANGI SUMBER KEKAYAAN BARU PESAWAH, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -2	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
5.	MAHATHIR BERANI PERJUANGKAN PENDIRIAN, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -10	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

RM1 bilion untuk Program Hasil Baharu

KERAJAAN telah bersetuju untuk memperuntukkan sejumlah RM1 bilion bagi 'Program Hasil Baharu' yang akan dilaksanakan dalam tempoh 4 tahun, dari 2019 sehingga 2022.

Perkara ini dicapai dalam perbincangan antara Menteri Hal Ehwal Ekonomi (MEA) Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Datuk Salahuddin Ayub.

Dalam kenyataan bersama mereka, kedua-duanya berkata, kerjasama MEA dan MOA merupakan langkah pertama dalam membina sinergi antara kementerian agar tidak berlaku pertindihan fungsi dan pembaziran sumber.

Sebagai contoh, kepakaran penyelidikan yang ada di Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) boleh menjadi panduan kepada penentuan tanaman-tanaman baharu yang dapat mengeluarkan hasil yang tinggi dalam jangka masa yang lebih singkat, kata mereka.

"Perbincangan hari ini juga meneroka potensi teknologi baharu era Revolusi Industri 4.0 seperti-artificial intelligence, analisis Big Data, dron dan



internet of Things (IoT) dalam meningkatkan produktiviti sektor pertanian," kata mereka dalam kenyataan pada 3 Mei itu.

17/5/2019

BERITA
HARIAN

ISU

60

KRI kaji cabaran industri padi tempatan

Laporan syor perkukuh tiga fokus utama rantaian bekalan

Laporan dijalankan oleh Institut Penyelidikan Khazanah (KRI), mengkaji cabaran yang dihadapi industri padi dan beras merentasi keseluruhan rantaian bekalan.

Antara isu yang dibentangkan di dalam penerbitan KRI ini termasuklah konsep jaminan makanan (food security), varieti padi, kepercayaan antara pengilang dan petani serta memahami pola pemakanan nasi dikalangan rakyat.

Selain itu, laporan KRI ini turut mencadangkan keseluruhan rantaian industri padi negara yang membabitkan tiga fokus utama iaitu pesawah, keselamatan makanan dan keperluan serta keper-

tingan pengguna perlu diperkuhkan.

Kekal kemampuan industri
"Pelaksanaan sistem rantaian industri padi dan beras yang holistik mampu mengekalkan kemampuan industri, sekali gus menjaga tiga tunjang utama rantaian secara keseluruhan.

"Industri padi dan beras direka untuk mengimbangi objektif ketiga-tiga rantaian berkenaan dan secara dasarnya memastikan kejayaan dan pendampatan pesawah terjamin, paras keselamatan makanan negara berada pada tahap paling baik serta kestabilan harga beras di pasaran terjaga," menurut laporan berkenaan.

Laporan bertajuk *Status Industri Padi dan Beras di Malaysia* turut menekankan keseluruhan rantaian industri padi domestik mesti terlebih dahulu diperkuat jika ada sebarang langkah untuk meliberalisasikan sektor atau meningkatkan model pengimport tunggal.

Selama lebih dua dekad, Padi-

sekali gus memaksa pengguna di kebanyakan negara membayar pada harga tinggi.

"Bagaimanapun di Malaysia, rakyat ketika itu hanya perlu membayar RM2.60 untuk setiap kilogram beras, di mana hanya 30 hingga 50 peratus kenaikan harga berbanding sebutum krisis makanan 2008 berlaku."

Mekanisme Gatekeeper tunggal
Menurut laporan itu lagi, keadaan terkawal dalam menjamin kestabilan harga berikutan mekanisme harga dikawal Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani.

Sebagai syarikat yang melaksakan Mekanisme Pengawal Selia Tunggal atau Gatekeeper tunggal, BERNAS mewarisi polisi dan tanggungjawab daripada Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN).

Tugasan termasuk menyelenggara dan mengurus stok penimbangan negara, membekal padi daripada petani dengan harga minimum dan terjamin, serta

menyediakan sokongan dan jaminan kepada pengilang Bumiputera selain mengawal mutu beras.

Di bawah mekanisme ini, BERNAS memensurkan usaha memastikan kebajikan pesawah terjaga pengurusan pembayaran, subsidi kepada petani di bawah Skim Subsidi Harga Padi.

Memecahkan model pengimport tunggal nampak mudah, namun melaksanakannya memerlukan pendekatan terperinci.

Kedudukan dan fungsi BERNAS sebagai penjaga industri padi serta beras tempatan perlu diambil kira, kerana soal jaminan keselamatan bekalan makanan negara turut dipertimbangkan.

Pemerhati industri juga mengingati tidak mustahil tragedi kenaikan harga beras seperti 2008 akan berulang sekiranya model pengimport tunggal dimansuhkan.

Selain itu, masalah pengimportan enggan membawa masuk beras kerana bimbang akan menanggung kerugian juga mungkin akan berlaku.

Fakta nombor

250 PERATUS

peningkatan harga beras ketika krisis harga makanan dunia pada 2008



Paler version: Hezrina showing off the juicy light green harumanis, which is a variant of the deeper green ones in the background, at the Fama fruit stalls in Ulu Pauh in Perlis. — ZHAFARAN NASIB/The Star

In two shades of green

Lighter-coloured harumanis mangoes are just as sweet

By **ARNOLD LOH**
arnold.loh@thestar.com.my

KANGAR: It is a case of two shades of green for visitors to Perlis hunting for the wondrously sweet harumanis mango to break fast with.

This fasting month coincides with the peak of the harumanis season. Buyers will find that some stalls sell them in two shades of green.

"The light green ones were wrapped in carbon-coated paper while they grew on the trees," said fruit seller Herniza Abdullah.

The classic harumanis has a deeper, forest green hue even when it is ripe. These mangoes, said Herniza, were shielded from the elements with typical paper.

"But when carbon-coated paper is used to block off all sunlight, we get a light green harumanis. The taste is also different," she explained.

All this came about when agriculturists discovered that exposure to sunlight affects how the harumanis mango ripens. Farmers were quick to apply the technique.

Herniza is one of several fruit sellers at the stalls set up by the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) at Ulu Pauh beside Universiti Malaysia Perlis campus

FREE ADMISSION

starproperty.my
FAIR 2019
MID VALLEY
Exhibition Centre
18-20 MAY • 11am-8pm

RM150,000
worth of PRIZES up for grabs!

along the Changlun-Kuala Perlis Highway.

When *The Star* visited the stalls to check on their prices, Herniza offered a sampling of the light green and dark green variants.

While both have the fragrance and classic nectar-like sweetness of harumanis, the dark green variety leaves a mildly tangy and even citrusy tingle on the tongue.

The light green fruit lacks that but it is

sweet and smooth like honey.

Herniza said it is up to farmers to wrap their fruits in carbon-coated paper, and in recent years more of them are doing it, though the deeper green hue is more popular.

She said that sales have been good because of the Ramadan month.

Both varieties were going for RM28 per kg at her stall, while larger harumanis at other stalls were selling for as high as RM35 per kg.

Other makeshift stalls sell smaller harumanis from their own groves at RM20 per kg.

Fama recently launched a Ramadan Harumanis campaign to encourage Muslims to include the fruit when they break fast and have their *sahur* (pre-dawn meals).

The Raja Muda of Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail recently called on Malaysians to include the harumanis in their Hari Raya gift hampers.

Fama is selling grade A harumanis via its website, www.agrobazaar.com.my, in sets of five boxes for RM475, with each box containing three kilos of fruit.

No delivery service is provided, and buyers must pick up the fruits at Fama centres in Kuala Lumpur, Puchong or Dengkil, Selangor.

Husam yakin projek beras wangi sumber kekayaan baru pesawah

Oleh **NASUHA RAHMAN**

PENGEMUMAN Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani 22 April lalu bahawa Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Kelantan akan dijadikan sebagai projek perintis bagi penanaman padi wangi membuka lembaran baru bagi meningkatkan pendapatan pesawah di negeri itu.

Pengerusi KADA Datuk Husam Musa berkata, sinar baru dibawakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan dengan pengumuman dasar oleh Menteri Pertanian di Dewan Negara baru-baru ini, lebih membantunya.

Tegasnya, dengan dasar dan hala tuju baru, beras wangi boleh menjadi sumber kekayaan baru bagi pesawah negara ini kerana harganya di pasaran lebih tinggi sekitar RM5 hingga RM8 per kilogram.

Dengan terlaksananya projek ini katanya, para pesawah akan menerima harga RM1860 setiap ton iaitu kenaikan 25% daripada harga beras putih biasa sekali gus pesawah akan menikmati pendapatan yang lebih baik.

Dengan dasar dan hala tuju baru, beras wangi boleh menjadi sumber kekayaan baru bagi pesawah negara ini kerana harganya di pasaran lebih tinggi sekitar RM5 hingga RM8 per kilogram.



Husam melihat padi beras wangi yang kini ditanam di bawah projek KADA di Kelantan.

Beliau berkata, walaupun pergerakan harga beras putih dunia menaik dan menurun disebabkan oleh permintaan dan penawaran beras, namun harga Beras Wangi tidak menurun dengan ketara.

"Ia didagangkan pada USD \$1,050, bersamaan RM4,343 setiap metrik ton semantara beras putih pada harga USD\$440-580/ton (FAO 2012), atau separuh lebih murah," katanya di entri Facebook barunya ini.

Nilai dagangan beras wangi dunia pada tahun 2011 adalah 7.1% daripada jumlah dagangan beras dunia iaitu 3.42 juta ton daripada 481 juta ton.

Beliau tidak menafikan ramai orang sukakan beras wangi sebab itulah jumlah import negara adalah 250,000 tan setiap tahun.

"Adakah beras wangi tak mampu hidup di Malaysia? Atau adakah petani kita begitu lemah sehingga untuk menanam beras wangi pun mereka tidak layak?"

"Pada hal harga beras ini lebih tinggi di pasaran. Maknanya, pendapatan petani akan lebih meningkat berbanding mereka menanam beras biasa. Negara pula boleh mengurangkan import."

"Atau kewangiannya hilang bila di tanam di Malaysia dan menjadi semerbak bila di tanam di Thailand? Semua itu adalah tahyul belaka," ujar beliau.

Tegasnya, percubaan sebilangan petani berani di Kelantan sudah beberapa musim membuktikan beras wangi juga boleh hidup subur di Malaysia bahkan kewangiannya pun tidak kalah berbanding yang di import.

"Jadi apa sebenarnya? Ia adalah sama dengan banyak kes yang lain. Kita membuat bunuh potensi diri kita dengan membuat pelbagai peraturan yang mengikat diri kita sendiri. Akhirnya, petani kita menderita

dan tidak mampu maju," katanya.

Sebelum ini, katanya, petani menghadapi kerena antara lain, tidak boleh ditanam di dalam kawasan jelapang sebaliknya hanya boleh ditanam di luar kawasan jelapang, tidak layak menerima subsidi seperti padi lain dan harga selaras dengan beras biasa bila dibeli oleh pengilang.

"Akhirnya, kita gagal. Kita teruskan saja mengimport," ujarnya.

Beras wangi mempunyai tekstur yang sangat lembut dan biji yang lebih panjang berbanding beras biasa, rasanya lebih enak, dan aromanya berbau harum.

Beliau percaya cuaca di Kelantan sangat ideal kerana tahap survival padi ini yang tahan dengan kondisi kurang air tambahan pula padi wangi mempunyai kelebihan dari segi pertumbuhannya yang sesuai dengan cuaca yang panas dan kelembapan yang tinggi.

Terdahulu, Datuk Salahuddin Ayub memberitahu Dewan Negara bahawa pihaknya bersedia untuk berancang dan mengkaji dasar supaya padi wangi boleh ditanam dalam kawasan jelapang, mungkin boleh bermula dengan 30 peratus.

"Menjadikan KADA Kelantan sebagai projek perintis kita untuk penanaman padi wangi, ini adalah langkah ke hadapan kerana beras ini mahal," katanya.

Mahathir berani perjuangkan pendirian

DALAM satu laporan akhbar, Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad sedia kedar memberikan markah 5 daripada 10 kepada barisan Kabinet yang dipimpin oleh beliau.

Alasan yang diberikan cukup mudah iaitu anggota Kabinet masih baharu serta kurang pengalaman dalam pentadbiran kerajaan.

Markah yang Perdana Menteri berikan ini kalau diukur dalam sistem persekolahan, maknanya sekadar pencapaian yang sederhana sahaja dan belum mampu membanggakan ibu bapa.

Markah ini pun sebenarnya satu perkara yang relatif. Jika kita bermati untuk menutup kekurangan, memang banyak alasan yang boleh diberi tetapi itu tidak mengubah apa-apa keadaan.

Tatkala kebanyakan rakyat termasuklah dalam kalangan pendokong Pakatan Harapan (PH) berharap supaya rombakan Kabinet segera dibuat selepas rasa kecewa dengan prestasi yang ditunjukkan oleh sebilangan menteri, tetapi Tun Dr Mahathir pula masih berkeras bahawa belum ada keperluan untuk rombakan dibuat.

Dalam kalangan rakyat biasa yang mempunyai pandangan politik cetek, ikut-ikutan dan beremosi, sudah tentu keengganan Tun Mahathir untuk membuat rombakan kelihatan seperti satu kedegilan yang luar biasa.

Mereka meniadakan kekalahan PH dalam tiga Pilihan Raya Kecil (PRK) lalu sebagai ukuran kepada kekecewaan rakyat terhadap kerajaan baharu.

Tun Mahathir juga nampaknya begitu tenang menghadapi tekanan pembangkang yang semakin menggia dan



**ZAMAN
GELORA**

ARIF JUHANI

barbank

Fokusnya mengunung untuk memulihkan kestabilan negara. Seandainya terbaharu apabila pertunjukan baharu beliau dengan pihak istana Johor kembali hangat.

Dalam satu sidang media, secara berjenaka Tun Dr Mahathir memanggil seorang kerabat istana yang popular itu sebagai budak kecil.

Lebih menggemparkan apabila kerabat itu juga dipanggil 'bodoi'. Kalau ikut pandangan orang biasa, ini keberanian yang luar biasa. Pertembungan yang berlaku sudah menjangkau sempadan baharu yang lebih kontroversi.

Memang sukar difahami seni politik sang negarawan ini. Tatkala tekanan semakin meningkat sehingga muncul gelaran #Ke-rajaanSepenggal, Tun Dr Mahathir pula terus berani untuk membuat sesuatu keputusan dan tindakan yang difikirkan betul walaupun mungkin tidak bagi pihak lain.

Bagi sesetengah orang lain, dalam politik ini perlu kepada pragmatik dan bersuara mengikut suasana semasa walaupun mungkin agak bertentangan dengan pendirian asal Kita. Tetapi Tun Dr Mahathir mengajar supaya terus berkeras dengan pendirian dan berani memperjuangkannya.

Maka tidak peliklah apabila beliau disenaraikan dalam kalangan tokoh dunia yang berpengaruh oleh Fortune dan Time. Ucapan-pannya di peringkat antarabangsa cukup

dinanti-nantikan oleh banyak pihak. Kritikan pedas dan lantang beliau terhadap kecurangan dan jenayah kemahasiswaan seperti dilakukan oleh Israel yang dilindungi Amerika Syarikat sejak dahulu hingga kini masih konsisten.

Kemampuan membuat rundingan yang kompleks di peringkat antarabangsa serta memilih tokoh yang betul dan tepat untuk menggalas tugas tersebut antara kelebihan yang dimiliki oleh Tun Dr Mahathir.

Berdasarkan pengalaman luas dan mendalam dalam menjadi sumber kekuatan negarawan yang terbilang itu untuk kekal

tenang dan fokus berdepan pelbagai gelora bagi memimpin kerajaan baharu ini.

Berketuaan seorang pemimpin kerajaan tertua di dunia ini sebenarnya merupakan peluang yang harus dimanfaatkan oleh anggota Kabinet.

Para pemimpin PH perlu memungut sebanyak-banyaknya pengalaman dan ilmu pentadbiran dari Tun Mahathir.

Percayalah terlalu banyak pihak luar yang disemburkan nikmat rakyat negara ini yang dipimpin oleh tokoh yang tersenarai sebagai 'Muslim Man of the Year' dalam buku The Muslim 500 bagi edisi 2019 itu.



HARGA RENDAH... Timbalan Menteri Sumber Manusia merangkap Ahli Parlimen Pokok Sena, Datuk Mahfiz Omar melancarkan perasmian My Best Buy @ Bazar Paduli Rakyat sempena Ramadan di Dataran KEDA, Jalan Langgar pada 5 Mei lalu. Hadir sama Pengerusi Lembaga Pemasaran Persekutuan (FAMA), Ishak Ismail dan Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Faiz Fadzi.